NIOSH Malaysia Newsletter... bringing you the OSH updates

# FYi

NIOSH
National Institute Of Occupational Safety And Health

No Permit:PP13200/12/2013(032007)
May 2017:ISSN 1675-5464

*Your OSH preferred partners*




## MENGOPTIMUMKAN PENGUMPULAN DAN PENGGUNAAN DATA BERKAITAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

## HARI SEDUNIA BAGI KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

# 28 APRIL 2017




# History of 28 April

The annual World Day for Safety and Health at Work on 28 April promotes the prevention of occupational accidents and diseases globally. It is an awareness-raising campaign intended to focus international attention on the magnitude of the problem and on how promoting and creating a safety and health culture can help reduce the number of work-related deaths and injuries.

The ILO celebrates the World Day for Safety and Health at Work on the 28 April to promote the prevention of occupational accidents and diseases globally. It is an awareness-raising campaign intended to focus international attention on emerging trends in the field of occupational safety and health and on the magnitude of work-related injuries, diseases and fatalities worldwide.

With the celebration of the World Day for Safety and Health at Work, the ILO promotes the creation of a global preventative safety and health culture involving ILO constituents and all key stakeholders in this field. In many parts of the world, national authorities, trade unions, employers' organizations and safety and health practitioners organize activities to celebrate this date. We invite you to join us in celebrating this significant day and share with us the activities you organize.

The 28 April is also the International Commemoration Day for Dead and Injured Workers organized worldwide by the trade union movement since 1996. Its purpose is to honour the memory of victims of occupational accidents and diseases by organizing worldwide mobilizations and awareness campaigns on this date.

In 2003, the ILO became involved in the April 28 campaign upon request from the trade union movement. While we honour injured and fallen workers, we appreciate and celebrate that these injuries and fatalities can be prevented and reduced, recognizing it as both a day for commemoration and celebration. Since 2003, the ILO observes the World Day on Safety and Health at Work on April 28 capitalizing on its traditional strengths of tripartism and social dialogue.

28 April is seen as a day to raise international awareness on occupational safety and health among trade unions, employers' organizations and government representatives alike. The ILO acknowledges the shared responsibility of key stakeholders and encourages them to promote a preventive safety and health culture to fulfill their obligations and responsibilities for preventing deaths, injuries and diseases in the workplace, allowing workers to return safely to their homes at the end of the working day.

# World Day for Safety and Health at Work

## OPTIMIZE THE COLLECTION AND USE OF OSH DATA

*A contribution to the implementation of Sustainable Development Goal 8*

The ILO's campaign for the 2017 World Day for Safety and Health at Work focuses on the critical need for countries to improve their capacity to collect and utilize reliable occupational safety and health (OSH) data.

The United Nations 2030 Agenda for Sustainable Development adopted on September 25, 2015 encompasses a global plan of action with specific targets to end poverty, protect the planet, and ensure prosperity for all. With its adoption, the capacity to collect and utilize reliable OSH data has also become indispensable for countries to fulfil their commitment to implement and report on some of the agenda's 17 sustainable development goals and their targets.

Sustainable Development Goal 8, in particular, provides for the promotion of "inclusive and sustainable economic growth, full and productive employment and decent work for all" and its Target 8.8 focuses on the "protection of labour rights and promotion of safe and secure working environments for all workers, including migrant workers, in particular women migrants, and those in precarious employment." For Target 8.8 countries are asked to report on the following indicator. "Frequency rates of fatal and non-fatal occupational injuries, by sex and migrant status".

Multiple ILO OSH conventions also require ratifying member States to establish mechanisms to collect and utilize reliable OSH data for prevention purposes. These ILO instruments recognize that the collection and utilization of reliable OSH data are indispensable for the detection of new hazards and emerging risks, the identification of hazardous sectors, the development of preventive measures, as well as the implementation of policies, systems and programmes at international, national and enterprise levels. OSH data provide the basis for setting priorities and measuring progress.

To support member States in the improvement of their capacity to collect and utilize reliable OSH data, the ILO produced a Toolbox with relevant resources and a set of fact sheets

The ILO welcomes the opportunity to work with member States, social partners and other interested parties to face this OSH data challenge and meet their commitment on the implementation of the objectives of the 2030 Sustainable Development Agenda and their obligations under ILO conventions.

***Sources info:*** *http://www.ilo.org/safework/events/safeday/lang--en/index.htm*





# LAWATAN DELEGASI LUAR NEGARA




**Pada 9 Mei 2017**, NIOSH menerima kunjungan lawatan delegasi daripada Jordan. Delegasi tiba di NIOSH lebih kurang 10.00 pagi dan disambut oleh beberapa pengurusan tertinggi NIOSH. Delegasi ini telah diberikan ucapan aluan dan taklimat ringkas oleh En Ayop Salleh, Setiausaha Eksekutif NIOSH berkaitan peranan dan tanggungjawab NIOSH sebagai sebuah badan yang menjalankan aktiviti latihan, perundingan, penyelidikan dan penyebaran maklumat bagi aspek Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.

Delegasi ini dibawa meninjau dan melihat secara dekat aktiviti yang dijalankan oleh NIOSH. Selesai taklimat, barisan delegasi dibawa melawat ke beberapa bahagian NIOSH seperti Pusat Simulator Ruang Terkurung, Klinik Kesihatan Pekerjaan & Makmal-makmal NIOSH, Bilik Latihan dan Perpustakaan. Sesi lawatan berjalan lancar dan berakhir pada pukul 2.00 petang.



**Pada 12 Mei 2017**, NIOSH menerima kunjungan dari Kementerian Buruh & Pembangunan Sosial Kerajaan Arab Saudi. Delegasi ini juga diberi taklimat ringkas mengenai fungsi dan objektif NIOSH serta aktiviti-aktiviti NIOSH oleh Pengarah Eksekutif NIOSH Tuan Haji Zahrim Osman. Delegasi ini juga dibawa melawat ke beberapa bahagian NIOSH seperti Pusat Simulator Ruang Terkurung, Klinik Kesihatan Pekerjaan & Makmal-makmal NIOSH, Bilik Latihan dan Perpustakaan.

Diharap dengan lawatan dari luar negara ini, NIOSH akan dapat menjalinkan hubungan kerjasama dengan negara-negara luar di dalam bidang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) di masa akan datang.

# KEJOHANAN FUTSAL TERTUTUP NIOSH 2017

**Kelab Kebajikan dan Sukan Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (KKSI)** telah menganjurkan Kejohanan Futsal Tertutup pada 6 Mei 2017 bertempat di Galaxy Futsal, Seksyen 15 Bandar Baru Bangi, Selangor. Kejohanan Futsal Tertutup ini disertai oleh 8 orang kakitangan lelaki NIOSH.

NIOSH menurunkan dua(2) pasukan dalam kejohanan futsal pada tahun ini. Pasukan NIOSH kumpulan A menentang beberapa pasukan iaitu dari BH Solution, SGS FC, QPR dan Kualiti Alam(B). Manakala pasukan NIOSH kumpulan B pula berlawan dengan pasukan dari Rohas FC, MIHA FC, PICC dan APM.

Pertandingan pada petang itu berkesudahan dengan kekalahan di peringkat kumpulan. Walaupun telah berusaha dengan sehabis mungkin, namun pasukan NIOSH terkandas di pertengan jalan. Tapi, apa pun semangat serta keyakinan diri untuk terus berjuang harus dipuji. Moga pasukan futsal NIOSH tidak berputus harap untuk terus maju dalam sukan ini dan cuba lagi di tahun akan datang.




# JAMUAN HI-TEA PUSPANITA NIOSH



**Pada 19 Mei 2017** yang lalu, Puspanita NIOSH telah menganjurkan satu acara tahunan iaitu Majlis Jamuan Hi-Tea PUSPANITA NIOSH2017. Majlis yang bermula pada jam 3.00 petang itu telah diadakan di OSH Garden Cafe Bangunan Utama NIOSH. Majlis turut dihadiri oleh Pengarah Eksekutif NIOSH, Tuan Haji Zahrim Osman dan isteri iaitu Pengerusi Puspanita Puan Eliza Basa, Setiausaha Eksekutif NIOSH, En. Ayop Salleh dan isteri serta ahli-ahli Puspanita NIOSH.

Majlis Jamuan Hi-tea Puspanita NIOSH2017 pada tahun ini bertemakan Merah & Hitam. Pengerusi Puspanita iaitu Puan Eliza Basa memberikan ucapan aluan. Penasihat Puspanita iaitu Tuan Haji Zahrim Osman juga turut berucap dan dalam ucapan tersebut, beliau berharap agar Puspanita NIOSH bergerak aktif dan bekerjasama dengan Puspanita peringkat Kementerian yang memberikan banyak faedah dan aktiviti berguna. Beliau juga turut memberikan sokongan penuh terhadap pertubuhan Puspanita NIOSH ini. Pelbagai aktiviti telah diadakan pada petang itu seperti cabutan bertuah, sesi karaoke dan *party games* bagi memeriahkan lagi majlis pada petang itu.

# HARI SEDUNIA BAGI KESELAMATAN & KESIHATAN PEKERJAAN 2017




**Pada 11 Mei 2017**, Majlis Sambutan World OSH Day 2017 diadakan di NIOSH, Bandar Baru Bangi, Selangor. Sambutan World OSH Day diadakan di Dewan Rafflesia dan dirasmikan oleh Pengarah Eksekutif NIOSH Tuan Haji Zahrim Osman. World OSH Day bagi tahun 2017 bertemakan"Mengoptimumkan Pengumpulan dan Penggunaan Data berkaitan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP)" *(OPTIMIZE THE COLLECTION AND USE OF OSH DATA)*

Manakala sambutan WOD juga turut diadakan di NIOSH Wilayah Selatan (JBU) pada 16 Mei sehingga 17 Mei 2017. Majlis dirasmikan oleh Pengerusi NIOSH YBhg. Tan Sri Datuk Sri Lee Lam Thye. Majlis Sambutan Hari Sedunia bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan disambut pada 28 April di seluruh dunia bermula pada 2003 oleh Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO). Ia menekankan pencegahan kemalangan dan penyakit pekerjaan melalui kekuatan *tripartite* dan dialog sosial.

Sambutan ini juga telah disambut bagi memperingati mangsa kemalangan industri dan penyakit pekerjaan oleh Kesatuan-Kesatuan Sekerja di seluruh dunia. Majlis Sambutan Hari Sedunia bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan juga disambut setiap tahun di Negara ini sebagai sokongan dalam mementingkan keselamatan, kesihatan dan kebajikan para pekerja.



# SEMINAR PENGURUSAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN DI SEKOLAH (OSH IN SCHOOL)

**Pada 22 Mei 2017**, NIOSH telah mengadakan Seminar Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di Sekolah atau lebih dikenali sebagai *OSH In School*. Seminar Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di Sekolah anjuran NIOSH dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia telah diadakan di Dewan Masyarakat Serian, Sarawak dan dirasmikan oleh Menteri Sumber Manusia YB Dato' Sri Richard Riot Anak Jaem, Menteri Sumber Manusia.

Objektif utama program ini diadakan adalah bagi mewujudkan persekitaran sekolah yang selamat dan sihat kepada guru, kakitangan dan juga murid semasa berada di sekolah. Selain memupuk kesedaran terhadap Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) di sekolah, program ini juga memastikan sekolah sebagai zon selamat bagi murid dan warga sekolah yang lain. Program ini diadakan bagi memupuk kesedaran tentang amalan budaya selamat di sekolah yang mana sekolah juga tidak terlepas dari menghadapi kemalangan yang melibatkan pelajar sekolah. Penyertaan seminar ini terdiri dari guru-guru, para pentadbir sekolah dan dari Jabatan Pendidikan di sekitar Daerah Serian.

